

# **Keganasan dan Islam: Analisis Konsep Jihad**

**Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid \***

## **Abstract**

*This article is an analytical discussion on terrorisme according to the principles of Islamic jihad. The conclusion reached by the analysis was that even though principally the violence is contrary to the Islamic teaching but in certain conditions, such as defending rights violated by others, there will be some considerations.*

## **Pendahuluan**

Sejak akhir-akhir ini pengaitan keganasan dengan Islam sudah menjadi lumrah. Sama dengan lumrahnya pengaitan hal yang sama dengan komunisme pada suatu ketika dahulu. Berbagai-bagai pertubuhan telah dikenalpasti atau diperkenalkan sebagai agen-agen keganasan, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Hasil daripada gejala yang berlaku ini, Islam dilihat oleh sesetengah pihak sebagai menggalakkan keganasan, dan menerimanya sebagai suatu agenda dalam jihad. Malah, kadangkala ia dilihat sebagai jihad itu sendiri.

Walau bagaimanapun, pihak yang melakukan keganasan berkenaan masih dapat mempertahankan diri dengan alasan ia bukan suatu kejahatan. Sebaliknya, ia adalah satu perjuangan bagi menegakkan keadilan dan merampas kembali hak mereka dan umat Islam seluruhnya yang telah dicerobohi oleh Barat, terutama orang-orang Yahudi dan Amerika. Dengan kata lain, ia adalah jihad bagi mempertahankan Islam itu sendiri dan para penganutnya daripada kejahatan yang dilakukan oleh Barat terhadap mereka.

---

\* Profesor di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM). Beliau juga merupakan mantan Pengarah APIUM.

Pada tahap ini, terdapat kerumitan yang jelas dalam menentukan kebenaran di antara dua sudut pandangan ini. Kerana kadangkala antara “kebenaran” (*al-Ḥaq*) dan “kebatilan” (*al-Bāṭil*) itu hanya dipisahkan oleh perspektif semata-mata. Bandingannya samalah dengan perbezaan antara “hak” (*al-Ḥaq*) dan kewajipan (*al-Wājib*). Ia merupakan suatu perkara yang sama dilihat dari perspektif yang berbeza.

Walau bagaimanapun, kertas ini tidak bercadang untuk terlibat dalam polemik ini. Cukup setakat mengatakan bahawa berasaskan senario yang ada sekarang, bukan sekadar mereka yang berada di pihak Islam sahaja yang melakukan apa yang disebut keganasan itu, tetapi pihak-pihak lain juga. Bezanya, keganasan yang dilakukan oleh pihak Islam lebih jelas ternampak jahatnya, kerana dilakukan tanpa berselindung. Sebaliknya keganasan yang dilakukan oleh pihak lain tidak begitu jelas nampaknya kerana ia dilakukan dengan secara lebih terancang dan teratur di sebalik berbagai-bagai alasan. Bak kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, keganasan ekonomi yang dilakukan oleh Barat terhadap dunia Islam mempunyai kesan yang begitu buruk sekali.

Apa yang hendak diperkatakan oleh kertas ini ialah sikap Islam terhadap keganasan itu sendiri berasaskan kepada konsep dan prinsip jihad yang terdapat di dalamnya. Tujuannya ialah untuk mengukur sama ada yang dilakukan atas nama perjuangan Islam atau jihad dengan cara melakukan apa yang dikenali sekarang sebagai keganasan itu sesuai dengan prinsip Islam sendiri atau menyeleweng daripada pandangan Islam yang sebenar dalam menangani kerenah Barat terhadap Islam yang sudah berlanjutan dalam tempoh yang begitu lama itu?

## **Konsep Jihad**

Perkataan “jihad” dalam Bahasa Malaysia berasal dari perkataan yang sama dalam Bahasa Arab, iaitu “*jihād*”. Dalam penggunaan biasa, ia bererti melakukan sesuatu dengan sesungguhnya<sup>1</sup> atau boleh disebut sebagai gigih dan dedikasi. Al-Quran sendiri ada menggunakan pengertian seperti ini dalam ayat 8 surah *al-‘Ankabut* menghuraikan hubungan antara anak dan kedua-dua ibu bapanya. Perkataan yang digunakan ialah “*وانجاهداك*” yang bermaksud “*Kalau kedua-duanya begitu bersungguh-sungguh.*”

Antara perkataan lain yang berasaskan kepada kata dasar yang sama iaitu “*جهد*” ialah “*ijtihād*” dan “*mujāhadah*”. Walau bagaimanapun, masing-masing biasanya digunakan dalam konteks yang berbeza. Perkataan “*mujāhadah*” biasa digunakan dalam konteks melawan, misalnya melawan nafsu, melawan syaitan dan melawan orang kafir. Perkataan “*ijtihād*” pula lebih biasa digunakan dalam konteks akademik

---

<sup>1</sup> Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣadīr, Jld. 3, h. 134.

dan keilmuan. Ia berarti melakukan penyelidikan ilmiah secara mendalam. Sementara “*jihād*” pula lebih biasa digunakan dalam konteks perjuangan.<sup>2</sup>

Dalam al-Quran, perkataan “*jihad*” ini disebut lebih 40 kali. Sebahagian daripadanya memberi erti berjuang pada jalan Allah dan mempertahankan agama Islam secara umum.<sup>3</sup> Antara ayat-ayat berkenaan ialah firman Allah:

وَجَاهِدُوا فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ<sup>٤</sup>

“Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya.”  
(Terjemahan surah al-Ḥajj (22): 78)

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”  
(Terjemahan surah al-‘Ankabūt (29): 69)

Sebahagian yang lain pula secara khusus menekankan soal pengorbanan harta dan jiwa raga, termasuk berperang pada jalan Allah.<sup>4</sup> Antara ayat-ayat seperti ini ialah firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَولَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ<sup>٥</sup>

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad ke jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah.”  
(Terjemahan surah al-Baqarah (2): 218)

<sup>2</sup> Lihat Sa‘dī Abū Jayb (1993), *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughatan wa Iṣṭilāḥan*. Dimashq: Dār al-Fikr, ke-2, h. 80-81.

<sup>3</sup> Lihat Muḥammad ‘Izzat Daruzah (1952), *al-Dustūr al-Qur‘ānī fī Syu‘ūn al-Ḥayāt*. Qāhirah: al-Ḥalabī, h. 224.

<sup>4</sup> *Ibid.*

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا هَلْ اَدُّوْكُمْ عَلٰى تَجْرِقٍ تُنَجِّكُمْ مِّنْ عَذَابِ اَلِيْمٍ ﴿١٠﴾  
تَوْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهِۦ وَتُجَاهِدُوْنَ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ بِاَمْوَالِكُمْ وَاَنْفُسِكُمْ ۗ

“Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksaan yang tidak terperi sakitnya. Iaitu kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa kamu”

(Terjemahan surah as-Saff (61): 10-11)

Begitulah juga dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Di antara beratus-ratus kali perkataan “*jihād*” itu disebut, ia kadang-kadang memberi erti perjuangan Islam secara umum, dan kadang-kadang lebih menekankan soal pengorbanan harta dan nyawa serta peperangan melawan orang-orang kafir.<sup>5</sup>

Sementara para fukaha pula mengertikan “jihad” ini dengan peperangan melawan musuh secara khusus. Seolah-olah perkataan “*jihād*” ini sinonim dengan perkataan *ḥarb*, iaitu peperangan atau *ghazw*, iaitu pertempuran.

Bagi menyesuaikan konsep berkenaan dengan penulisan yang mereka lakukan, sebahagian daripada mereka menulis tentang jihad ini di bawah tajuk “*al-Siyar*” atau “*al-Maghāzī*”, iaitu sejarah peperangan Rasulullah s.a.w.<sup>6</sup>

Bagaimanapun, para fukaha sendiri mengakui istilah jihad itu mempunyai konsep yang lebih luas daripada yang mereka perkatakan, iaitu peperangan melawan musuh. Kata Ibn ‘Ābidīn:

“Bab ini dinamakan sebagai “*al-Siyar*” atau “*al-Jihād*” atau “*al-Maghāzī*” ... Tujuannya ialah untuk menghurai sirah (Rasulullah s.a.w.). Walau bagaimanapun sudah menjadi suatu kebiasaan untuk (menghuraikan di bawah tajuk ini) hal-hal mengenai peperangan dan apa-apa yang berkait dengannya.”<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Lihat al-Syawkānī (1973), *Nayl al-Awṭār*. Beirut: Dār al-Jayl, Jld. 8, h. 24-271; Winsinck (1986), *al-Mu’jam al-Mufahras Li Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*, Iṣṭanbul: Dār al-Da’wah, Jld. 1, h. 387-390.

<sup>6</sup> Lihat misalnya: Ibn Qudāmah (1969), *al-Mughnī*. Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, Jld. 9, h. 196-327; Ibn al-Ḥumām (1970), *Faṭḥ al-Qadīr*. Qāhirah: al-Ḥalabī, Jld. 5, h. 434-510; al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *Mughnī al-Muḥtāj*. Qāhirah, al-Ḥalabī, Jld. 4, h. 208-265; Ibn ‘Ābidīn (1966), *Ḥāsyiah*. Qāhirah: al-Ḥalabī, Jld. 4, h. 119-220.

<sup>7</sup> Ibn ‘Ābidīn, *ibid.*, h. 119.

Kata al-Kasānī:

“Bab ini disebut sebagai “*al-Jihād*”. Ia mempunyai pengertian yang luas, tetapi biasa dibataskan oleh para fukaha untuk persoalan tentang perjuangan melawan orang kafir, iaitu mengajak mereka memeluk agama Islam dan memerangi mereka kalau mereka enggan berbuat demikian.”<sup>8</sup>

Malah dalam *al-Ta’rifāt*, al-Jurjānī menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan “*jihād*” itu ialah “mengajak ke arah agama yang benar.”<sup>9</sup>

Berasaskan kepada pandangan di atas, ternyata para fukaha sendiri tidak membataskan konsep jihad itu kepada peperangan melawan orang kafir sahaja. Tetapi jauh lebih luas daripada ini. Cuma oleh kerana peperangan seperti ini mempunyai kedudukan yang penting di dalamnya, perbincangan tentang peperangan ini telah disebut dengan istilah “*jihad*” itu sendiri.

Kata al-Syaikh Muḥammad Abd al-Latīf al-Subkī:

“Kecenderungan ulama salaf menghadkan pengertian *jihād fi sabilillah* kepada peperangan melawan orang kafir sahaja adalah disebabkan oleh adanya peperangan yang banyak dengan orang-orang kafir yang menentang dakwah Islam dengan penuh benci kepada agama Islam itu sendiri dan para pemeluknya. Berasaskan kedudukan inilah dahulu, tumpuan lebih diberikan kepada pengertian yang sempit ini. Sedangkan pengertiannya yang sebenar jauh lebih luas daripada itu.”

Maka kalau peperangan sedang berlaku, atau hampir berlaku penumpuan kepada peperangan itu merupakan tugas utama. Tetapi kalau peperangan tidak berlaku dan kemungkinan berlakunya tidak ada, penumpuan perlu diberikan kepada usaha-usaha membantu fakir miskin dan mengadakan usaha-usaha pembangunan yang berfaedah kepada seluruh ummah, seperti membina hospital, sekolah, tempat tinggal, masjid, jalan raya dan apa sahaja yang memperkukuh kehidupan masyarakat dan menjadikan umat Islam hebat pada pandangan orang lain. Tidak syak lagi semuanya ini adalah jihad dalam pengertian umum yang disuruh oleh Allah supaya kita melakukannya.<sup>10</sup>

Begitu pun, huraian-huraian yang termasuk di bawah bab berkenaan bukan semuanya mengenai “peperangan”, tetapi juga mengenai “perdamaian” dan layanan baik terhadap orang-orang kafir. Dengan kata lain, dalam bab “*al-Jihād*” atau

<sup>8</sup> Ibn al-Humām, *op.cit.*, Jld. 5, h. 435.

<sup>9</sup> Al-Jurjānī, *Kitāb al-Ta’rifāt*. Qāhīrah: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 2<sup>nd</sup>. ed. 1992, h. 107.

<sup>10</sup> Al-Syekh Muḥammad Abd al-Latīf al-Subkī (1969), “*al-Jihad Fi Sabilillah*” dalam *Majma’ al-Buḥūth al-Islāmiyah*. Qāhīrah: al-Azhār, h. 260.

“*al-Maghāzī*” ini para fuqaha sebenarnya memperkatakan tentang perhubungan antarabangsa dari perspektif Islam, baik dalam keadaan berperang ataupun berdamai.

Malah di bawah tajuk berkenaan juga mereka memperkatakan tentang “*Jihad Kecil*” dan “*Jihad Besar*” yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. Kata Ibn al-Human:

“Kelebihan jihad ini sangat besar. Mengapa tidak? Kerana ia melibatkan penyumbangan perkara-perkara yang paling disayangi dan pengharungan kesusahan yang besar bagi diri manusia untuk tujuan mendapat keredaan Allah dan mendekatkan diri kepadaNya. Paling berat ialah menguasai diri sendiri supaya sentiasa taat kepada Allah dan menjauhi hawa nafsu. Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w. bersabda sewaktu kembali daripada salah satu peperangan yang dipimpin oleh Baginda sendiri. “Kita kembali daripada jihad lebih kecil kepada jihad lebih besar.”<sup>11</sup>

Kata al-Syawkānī:

“Dari segi bahasa, perkataan jihad ini bererti kesusahan ... sebagai satu istilah Syara’ ia bererti berusaha dengan sesungguhnya dalam memerangi orang kafir. Bagaimanapun ia juga digunakan bagi erti melawan nafsu, syaitan dan orang-orang fasiq. Melawan nafsu dilakukan dengan cara mempelajari urusan agama dan kemudian melaksanakannya, serta juga mengajarnya (kepada orang lain). Melawan syaitan pula dilakukan secara menolak kekeliruan dari segi hawa nafsu yang mendorong ke arahnya. Melawan orang-orang kafir pula ialah dengan cara menggunakan kekuatan fizikal, harta, kata-kata dan perasaan. Sementara melawan orang-orang fasiq pula ialah dengan menggunakan kekuatan fizikal kemudian kata-kata, kemudian perasaan.”<sup>12</sup>

### **Keperluan Kepada Kesungguhan dan Dedikasi**

Berasaskan kepada kenyataan-kenyataan yang ada dalam syariat Islam dan pentafsiran para fuqaha terhadapnya ternyata bahawa “Jihad” ini satu konsep umum yang merangkumi segala aspek perjuangan menegakkan agama Islam yang maha suci. Ia bermula daripada usaha menguasai diri sendiri sebagai penganut Islam yang setia, membina keluarga Islam yang utuh bagi menjadi asas pembinaan masyarakat Islam yang kukuh, melaksanakan ajaran dan segala aturan dan peraturan Islam di setiap peringkat dalam satu sistem yang teratur, mempertahankan Islam, masyarakat dan negara daripada ancaman musuh sama ada dari dalam atau dari luar dan banyak lagi.

<sup>11</sup> Ibn al-Humām, *ibid.*, h. 435. Lihat juga kenyataan yang sama dalam Ibn ‘Ābidīn, *op.cit.*, h. 119.

<sup>12</sup> Al-Syawkānī, *op.cit.*, Jld. 8, h. 25.

Satu unsur yang sangat penting dalam “Jihad” ini ialah kesungguhan dan dedikasi dalam melaksanakannya. Ia dilambangkan dengan pengorbanan dua faktor hidup yang sangat berharga bagi setiap manusia, iaitulah harta dan nyawa ( *بأموالكم وانفسكم* ). Tanpa kegigihan seperti ini tiada jihad yang dilakukan, walaupun yang dilakukan ini ialah berperang melawan musuh.

Selain berasaskan pengertian perkataan jihad itu sendiri dari segi bahasa dan penggunaan biasanya, prinsip gigih dan dedikasi ini dibangkitkan sendiri oleh berbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. Dalam ayat 95 surah *al-Nisa'* (4), Allah membandingkan antara dua golongan orang mukmin. Pertamanya mereka yang tidak gigih berjuang ( *القاعدون* ) dan yang keduanya mereka yang gigih berjuang ( *الجاهدون في سبيل الله* ). Tegas Allah, mereka tidak sama kerana Allah memberikan kelebihan satu darjat kepada *al-Mujāhidūn* berbanding dengan *al-Qā'idūn*.

Dalam ayat 31 surah *Muhammad* (47), Allah menegaskan Dia akan menguji umat Islam untuk memastikan siapa sebenarnya orang yang gigih dan sabar ( *الصابرين* ) dan yang sebaliknya. Malah dalam ayat 78 surah *al-Hajj* (22), penegasan lebih jelas telah dibuat iaitu jihad yang disuruh orang-orang Islam melakukannya ini ialah jihad yang benar-benar gigih dan dedikasi ( *حق جهاده* ). Dalam ayat 52 surah *al-Furqan* (25), Allah menyifatkannya sebagai jihad besar ( *جهادا كبيرا* ) Sementara dalam ayat 73 surah *al-Taubah* (9) pula, Allah menyebutnya sebagai sikap yang keras ( *اغلظ عليهم* ).

Kata al-Ṭabarī, maksud “ *حق جهاده* ” ialah menggunakan sepenuh tenaga dalam melakukannya.<sup>13</sup> Maksud “ *جهادا كبيرا* ” pula ialah melakukan tindakan yang benar-benar berkesan.<sup>14</sup>

Mengikut beliau lagi, perkataan ( *اغلظ عليهم* ) dalam ayat 73 surah *al-Taubah* (9) merupakan salah satu tafsiran kepada konsep ( *حق جهاده* ) ini.<sup>15</sup>

### **Keperluan Kepada Konsep Yang Jelas**

Satu unsur lain ialah konsep yang jelas tentang “Jihad” itu sendiri. Hal ini terkandung secara umumnya dalam hadis Rasulullah s.a.w.:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

<sup>13</sup> Al-Ṭabarī (1992), *Jāmi' al-Bayān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Jld. 9, h. 191.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 398.

<sup>15</sup> *Ibid.* Lihat juga: Jld. 6, h. 420 bagi tafsiran ayat 73 surah *al-Tawbah*.

*“Sesungguhnya setiap perbuatan itu dinilai berasaskan kepada niat dan setiap orang akan memperoleh apa yang diniatkan olehnya.”*

(Riwayat al-Bukhārī)

Yang dimaksudkan dengan niat di sini bukan sekadar keikhlasan, tetapi juga konsep dan objektif yang jelas dan kemudian ikhlas kepada objektif berkenaan. Di penghujung hadis berkenaan Rasulullah s.a.w. menegaskan:

فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله فهجرته إلى الله ورسوله، ومن كانت هجرته إلى دنيا يصيبها أو امرأة يتزوجها فهجرته إلى ما هاجر إليه

*“Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya kepada (keuntungan) dunia yang mahu diperolehnya atau perempuan yang mahu dikahwininya maka hijrahnya ini kepada apa yang dia maksudkan itu.”*

(Riwayat al-Bukārī)

Berkait dengan jihad dalam pengertian khusus, terdapat hadis di mana Rasulullah s.a.w. ditanya tentang mereka yang kelihatan berperang dengan begitu gigih sekali tetapi mempunyai nilai atau objektif yang tidak begitu jelas ke arah jihad yang sebenarnya. Orang itu bertanya:

عن الرجل يقاتل شجاعة ويقاتل رياء، فأى ذلك في سبيل الله؟ فقال: من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

*“Tentang orang yang berperang kerana berani, yang berperang kerana dendam dan yang berperang kerana mahu menunjuk-nunjuk. Apakah itu boleh disebut sebagai pada jalan Allah? Sabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang berperang bagi tujuan meninggikan kalimat Allah dia berjuang pada jalan Allah.”*

(Riwayat al-Jamā‘ah)

Kata al-Syawkānī, yang dimaksudkan dengan kalimat Allah (*Kalimatullah*) dalam hadis ini ialah Islam itu sendiri. Ini bererti apa sahaja bentuk kegigihan dan pengorbanan yang di luar daripada tujuan itu ia bukan merupakan jihad.<sup>16</sup>

Dalam syariat Islam, kedua-dua aspek ini disebut sebagai “*niat*” dan “*kafiyat*” yang menentukan sejauh mana sesuatu langkah yang diambil itu tepat atau sebaliknya. Secara prinsipnya kedua-dua unsur ini perlu tepat dengan tuntutan Syariah. Kalau salah satu daripadanya terabai kesan negatifnya boleh mengurangkan nilai aspek yang satu lagi.

<sup>16</sup> Al-Syawkānī, *op.cit.*, h. 32.



## **Keperluan Kepada Kesesuaian Semasa**

Meskipun konsep jihad itu, seperti mana yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah begitu luas sekali, namun terdapat kecenderungan yang jelas dalam ayat-ayat dan hadis-hadis berkenaan untuk lebih fokus kepada perjuangan menentang musuh, termasuk melalui peperangan dan sebagainya.

Mungkin kerana kecenderungan inilah para fukaha, termasuk daripada kalangan tajdid seperti Ibn Taimiyah dan Izzuddin Abd Salam<sup>17</sup> seolah-olah bersepakat menumpukan penghuraian mengenainya kepada soal peperangan melawan orang kafir. Sementara aspek-aspek lain dilihat sebagai kurang penting berbanding dengan peperangan melawan musuh ini.

Tetapi apakah konsep peperangan melawan musuh itu sendiri sesuatu yang statik atau fleksibel? Apakah yang dimaksudkan dengan musuh-musuh Islam itu dan segala yang perlu digunakan untuk memerangi mereka sifatnya konvensional atau sebaliknya? Malah apakah yang dimaksudkan dengan peperangan itu sendiri?

Segala keadaan dan situasi yang ada di sekeliling umat Islam sekarang menunjukkan bahawa peperangan atau jihad yang perlu dihadapi oleh umat Islam sejagat lebih menyeluruh. Ia bermula daripada jihad agung (*al-Jihād al-Akbar*), iaitu menguasai diri sendiri supaya berdisiplin penuh mengikut kaedah dan tatacara Islam sampailah kepada membina semula atau mengembalikan tamadun yang telah hilang.

Di bawah payung globalisasi dan tamatnya perang dingin dengan kehancuran Soviet Russia, Islam sudah dilihat sebagai musuh utama Barat.<sup>18</sup> Ini bererti kebangkitan semula Islam telah mula dirasakan.

Sebagai sebuah agama dan juga tamadun, Islam perlu menguasai semua lapangan hidup, baik pendidikan dan pelajaran, ekonomi dan kewangan, politik dan pemerintahan, sains dan teknologi, persenjataan dan ketenteraan dan banyak lagi. Sesuai dengan keperluan yang begitu luas dalam usaha bangun kembali daripada kejatuhannya, begitulah luasnya perspektif Islam terhadap jihad. Walau bagaimanapun, pentafsiran lama tentang peperangan melawan musuh tidak boleh dipinggirkan dengan begitu sahaja, terutama dalam konsep membina kekuatan persenjataan dan ketenteraan yang maju dan canggih.

---

<sup>17</sup> Lihat Ibn Taimiyah (1992), *Fiqh al-Jihād*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabi.

<sup>18</sup> Lihat misalnya perbincangan dalam: Samuel P. Huntington (1998), *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*. London: Touchstone Books; John L. Esposito (1998), *The Islamic Threat: Myth or Reality?* New York: Oxford University Press.

Berasaskan kepada prinsip dan realiti di atas, jihad perlu dilihat sebagai proses yang terus-menerus. Ia bertujuan untuk membina kekuatan Islam dalam setiap lapangan hidup bagi menjadikan agama suci itu sebagai agama yang megah dan tidak terpaksa tunduk mengalah di hadapan sesiapa juga. Ini kerana walaupun Islam itu agama damai tetapi tidak bererti ia perlu mengalah.

### **Masalah Keganasan**

Apa pun juga yang terdapat dalam konsep jihad itu secara teorinya, namun secara realitinya telah wujud pertentangan atau permusuhan yang jelas antara umat Islam dan barat pada hari ini. Permusuhan ini walaupun tidak melibatkan negara-negara Islam secara rasminya tetapi telah memberi kesan yang begitu mendalam di kalangan rakyat.

Masalah siapa yang memusuhi siapa tidak timbul dalam keadaan sekarang. Apa yang penting permusuhan itu sudah ada dan sudah menjadi suatu realiti. Bak kata Huntington, masalah yang dihadapi oleh Barat bukannya fundamentalisme Islam, tetapi Islam itu sendiri, iaitu suatu tamadun yang berbeza di mana orangnya menerima hakikat tentang ketinggian budaya mereka dan dirasuk oleh rasa rendah dari segi kuasa. Sementara bagi Islam pula, masalahnya bukan Central Inteligencia Agency (CIA) atau Kementerian Pertahanan Amerika Syarikat, tetapi Barat itu sendiri, iaitu suatu tamadun yang berbeza di mana orangnya menerima hakikat tentang sifat universal bagi budaya mereka dan merasa bertanggungjawab untuk menyebarkan budaya itu ke seluruh dunia.<sup>19</sup>

Sebenarnya, pertentangan antara Islam dan Barat ini bukan suatu perkara yang baru. Seperti mana kata Esposito, hubungan sejarah yang dinamik antara orang Kristian dan orang Islam kadang-kadang melahirkan perlumbaan di antara dua masyarakat itu dan sekali-sekala memerangkap mereka ke dalam pertentangan yang sengit bagi merebut kuasa tanah atau hidup.<sup>20</sup>

Konflik Palestin adalah satu contoh yang nyata terhadap kenyataan di atas. Sewaktu menjejak kakinya di bumi Palestin pada tahun 1917, General Allenby telah membuat suatu kenyataan yang bersejarah. Kata beliau, permusuhan yang begitu lama antara Kristian dan Islam belum tamat dan mentaliti perang salib masih hidup. Pada tahun 1920, apabila pasukan tentera Perancis menawan Damsyik, pemimpinnya pergi ke kubur Salahuddin al-Ayubi dan melaungkan kata-kata "Salahuddin, kami telah kembali".

---

<sup>19</sup> Samuel P. Huntington, *ibid.*, h. 217-218.

<sup>20</sup> John L. Esposito, *op.cit.*, h. 44.

Pada tahun 1917, bilangan orang Yahudi di Palestin hanya seramai 60,000 sahaja berbanding orang Islam yang kebanyakan berketurunan Arab yang berjumlah 750,000 orang. Tetapi pada tahun 1918, Menteri Luar Britain, A. J. Balfour menulis “Empat Kuasa Besar Komited terhadap Zionisme. Sama ada betul atau salah, baik atau buruk, Zionisme jelas mempunyai tradisi, keperluan semasa dan harapan masa depan yang jauh lebih mendalam dan lebih penting daripada kehendak dan prejudis 700,000 orang Arab yang menduduki bumi sejarah itu.”<sup>21</sup>

Dalam keadaan seperti ini, bagi orang Islam, perjuangan untuk mendapat kembali apa yang telah dirampas (contohnya Palestin) dan mempertahankan apa yang sedang digugat (contohnya Afghanistan dan Iraq), perlu berasaskan metode yang lebih khusus daripada yang terdapat dalam konsep jihad secara umum. Metode ini termasuklah pertentangan bersenjata melalui berbagai-bagai gerakan yang dilihat sebagai salah dari segi politik dan undang-undang antarabangsa. Lalu berasaskan kepada pengukuran Barat inilah juga tindakan mereka itu dilabelkan sebagai keganasan dan mereka sendiri sebagai penganas. Sedangkan bagi mereka sendiri itu adalah perjuangan, dan perjuangan itu pada pengertian Islam adalah jihad.

Sebaliknya bagi Barat bukan sahaja sekarang ini, tetapi sejak dahulu lagi Islam dikaitkan dengan keganasan.<sup>22</sup> Malah, prejudis ini menjadi bertambah tebal dengan berlakunya peristiwa 11 September 2001 yang masyhur itu.

Dengan kata lain, apa yang dipopularkan sekarang ini sebagai keganasan itu sebahagian daripadanya adalah tindakan halal dalam perjuangan bagi mempertahankan hak dan keadilan, iaitu yang sesuai dengan prinsip jihad. Namun terdapat juga tindakan-tindakan yang melampaui batas, yang sukar untuk dikaitkan dengan apa-apa alasan berasaskan prinsip jihad sendiri. Mungkin inilah sahaja yang dimaksudkan dengan “keganasan” dalam konteks kertas ini.

Bagi menganalisis fenomena ini dari perspektif “jihad” prinsip yang boleh digunakan sebagai kayu pengukur ialah prinsip perang jihad itu sendiri, iaitu mengenai apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan dalam pertempuran melawan musuh. Dalam Syariat Islam, perang hanya boleh dilakukan bagi tujuan mempertahankan diri. Selain dalam bentuk itu, ia merupakan kesalahan yang dilarang. Dalam *Muqaddimah*nya, Ibn Khaldūn membahagikan peperangan yang wajar dan yang tidak wajar dilakukan masing-masing kepada dua bahagian. Kata beliau:

---

<sup>21</sup> Lihat Minou Reeves (2000), *Muhammad In Europe: A Thousand Years of Western Myth- Making*. New York: New York University Press, h. 247.

<sup>22</sup> Lihat Ali Mansur (1994), *Islam Dalam Perhubungan Antarabangsa*. Mahmood Zuhdi (terj). Kuala Lumpur: ABIM.

“Peperangan sentiasa berlaku sejak daripada mula Tuhan menjadikan makhluk ini. Ia adalah suatu perkara yang semulajadi bagi manusia. Tidak ada suatu pun bangsa dan generasi yang tidak pernah mengalami peperangan. Biasanya peperangan itu dicituskan oleh kecemburuan dan perlumbaan, pencerobohan, mencari keredaan Allah s.w.t. dan agamaNya ataupun mencari dan menegakkan kuasa. Perang yang disebabkan cemburu dan perlumbaan banyak berlaku di antara suku-suku kaum yang hidup berdekatan dan puak-puak yang hidup bercampur baur. Perang pencerobohan pula biasanya berlaku di antara bangsa-bangsa kuno, seperti Arab Jahiliah, Tatar dan sebagainya, kerana rezeki mereka terletak pada apa yang ada di tangan orang lain. Siapa sahaja yang mempertahankan harta bendanya akan diserang. Peperangan begini tidak mempunyai tujuan yang lain daripada hal-hal seperti pangkat dan kuasa. Perang jenis ketiga pula dinamakan perang jihad. Sementara perang jenis keempat pula dinamakan perang yang berlaku di antara negara dan orang-orang yang menderhaka terhadapnya. Inilah empat jenis peperangan. Dua jenis yang pertama ialah perang kekacauan dan fitnah, sementara dua jenis yang terakhir pula ialah perang jihad yang wajar. Islam mengharamkan dua jenis perang yang pertama itu dan membenarkan dua jenis yang akhir.”<sup>23</sup>

Walau bagaimanapun, jika perang telah berlaku, maka berbagai-bagai prinsip perlu dihormati. Antaranya ialah tidak bertindak terhadap orang-orang yang tidak berdosa. Berasaskan prinsip ini Rasulullah s.a.w. selalu menasihati panglima-panglima perang Baginda supaya menghormati prinsip-prinsip seperti itu. Antaranya sabda Baginda:

*“Berperanglah kamu dengan pertolongan Allah dan kerana jalan Allah. Berperanglah kamu dan jangan kamu membunuh kanak-kanak atau perempuan. Jangan kamu mengkhianati dan menyeksa mayat.”*<sup>24</sup>

Dalam satu nasihat lain, Baginda bersabda:

*“Keluarlah kamu dengan nama Allah untuk berperang pada jalan Allah. Jangan kamu khianati janji. Jangan sombong, jangan menyeksa mayat dan jangan membunuh kanak-kanak atau orang-orang dalam rumah ibadat.”*<sup>25</sup>

Tentu sekali kertas ini akan menjadi terlalu panjang kalau tatasusila peperangan Islam ini diuraikan. Cukuplah sekadar dicatatkan bahawa Islam mempunyai panduan yang cukup jelas sama ada berasaskan al-Quran dan al-Sunnah atau berasaskan kepada fakta sejarah peperangan Islam yang telah berlaku.

<sup>23</sup> Ibn Khaldun (t.t.), *Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 211.

<sup>24</sup> Lihat Ibn Taimiyah, *Risālah al-Qitāl*, h. 120.

<sup>25</sup> *Ibid.*

Khusus tentang persoalan utama dalam kertas ini, suatu hal yang perlu diakui bahawa tindakan-tindakan yang keterlaluan yang dilakukan oleh mereka yang menentang kekuasaan Barat atau sebagainya, seperti mengebom tempat-tempat awam, menculik orang yang tidak berdosa dan sebagainya itu adalah di luar daripada batas-batas yang diharuskan oleh Islam. Untuk itu, jihad yang dilakukan dalam keadaan sekarang memerlukan disiplin yang cukup tinggi supaya ia dapat dibezakan dengan secara jelas dengan apa yang dikenali sebagai keganasan.

## **Penutup**

Apa pun juga, suatu pandangan yang menyeluruh terhadap semua aspek kehidupan dalam dunia sekarang perlu diberikan. Prejudis yang kian memuncak di antara Barat dan Islam sekarang tidak menjanjikan banyak kewarasan dalam tindakan dari kedua-dua belah pihak. Tindakan jahat Israel yang terus berlanjutan di bumi Palestin dan sikap talam dua muka Amerika dalam persoalan-persoalan yang melibatkan dunia Islam perlu juga dilihat sebagai sebahagian daripada cerita keganasan yang berlaku di dunia pada hari ini.